

## **Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam dalam Bidang Tilawah Al-Quran Program Pendidikan Khas Integrasi (Masalah Pendengaran)**

*Azmil Hashim<sup>1</sup>, Bahariah Ab Rahman<sup>2</sup> & Hamdi Ishak<sup>3</sup>*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris Tanjung Malim Perak<sup>1,2</sup>*

*Universiti Kebangsaan Malaysia Bangi<sup>3</sup>*

*azmil@fsk.upsi.edu.my<sup>1</sup>*

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti amalan pengajaran guru Pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran bidang tilawah al-Quran kepada murid-murid Pendidikan Khas bermasalah pendengaran (Program Pendidikan Khas Integrasi) sekolah rendah dari aspek amalan pengajaran guru termasuk penggunaan kurikulum kebangsaan. Seramai dua orang guru dari dua buah Sekolah Kebangsaan yang menawarkan Program Pendidikan Khas Integrasi (masalah pendengaran) telah dipilih sebagai peserta kajian ini. Bagi memperolehi data, pengkaji menggunakan pendekatan kajian kualitatif. Pengkaji menggunakan tiga kaedah bagi memperolehi data, antara kaedah yang digunakan ialah kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis data. Kesahan data dilakukan pengesahan pakar, bertaklimat dan pengesahan peserta kajian. Dapatan menunjukkan peserta kajian merancang pengajaran menggunakan sukatan pelajaran Pendidikan Islam Kebangsaan, akan tetapi terdapat pengubahsuaian dalam pengolahan isi pengajaran masing-masing. Selain itu juga pengkaji mendapati bahawa peserta kajian menghadapi masalah berkaitan dengan keperluan murid bermasalah pendengaran dari sudut pedagogi, kemahiran dan komunikasi. Secara keseluruhannya peserta kajian menunjukkan kesungguhan dan minat yang mendalam untuk mendidik murid-murid bermasalah pendengaran. Diharap kajian ini dapat menjadi panduan kepada guru-guru Pendidikan Islam bagi meningkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran kepada murid bermasalah pendengaran dalam bidang tilawah al-Quran khususnya.

Kata kunci: Amalan, pengajaran, pembelajaran, program pendidikan khas integrasi, bermasalah pendengaran

### **PENGENALAN**

Islam merupakan satu agama yang lengkap bagi mengatur kehidupan umatnya. Bagi mencapai kebahagiaan hidup di dunia dan di akhirat, Allah S.W.T telah menurunkan wahyu kepada Rasullullah s.a.w sebagai panduan hidup. Sebagai umat yang mempunyai risalah dan tanggungjawab yang ditentukan oleh Allah S.W.T., Islam meletakkan tanggungjawab besar kepada setiap pendidik yang terdiri daripada guru, ibu bapa atau ahli masyarakat untuk mengajar, membentuk dan memberi pendidikan kepada setiap insan bermula dari waktu ia dilahirkan lagi ('Abdullah Nasih 'Ulwan, 1981). Setiap kanak-kanak yang dilahirkan di dunia ini berhak untuk mendapat pendidikan dan pelajaran mengikut kebolehan, kemampuan, bakat, dan persediaan yang ada pada diri masing-masing (Abdullah al-Qari 1993).

Menurut Noornajihan Jaafar, Norakyairee Mohd Raus, & Nurul Asiah Fasehah Muhammad (2014), Pendidikan Islam merupakan ilmu berkenaan dengan hal ehwal agama Islam atau maklumat yang berkaitan dengan agama Islam. Ia bertujuan untuk meningkatkan keupayaan kognitif pelajar sama ada dari sudut strategi, kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan tahap keupayaan pelajar.

Al-Quran dan al-Sunnah merupakan pegangan bagi seluruh umat Nabi Muhammad S.A.W dan menjadi panduan dan pegangan utama hingga ke hari ini. Oleh itu agama Islam menyeru agar umatnya mengimani serta mendalami lagi ilmu-ilmu yang berkaitan dan terdapat dalam kitab suci al-Quran dan as-Sunnah (Muhammad Sayuti Sabdan et.al, 2016).

Namun begitu, pendekatan pengajaran dan pembelajaran bagi golongan istimewa adalah berbeza berbanding dengan golongan tipikal (normal) (Azzamili & Bazazoo, 2013; Muhammad Sayuti Sabdan, 2016; Muhammad Sayuti Sabdan, 2014; Noornajihan et al., 2014). Golongan istimewa ini lebih dikenali sebagai Orang Kurang Upaya (OKU) merupakan golongan yang mempunyai ketidakupayaan atau kecacatan yang berbeza-beza sama ada dari sudut neurologi, deria, komunikasi, dan tingkah laku (Wan Sabri Wan Husin, et.al, 2013).

Golongan pekak atau ketidakupayaan pendengaran adalah golongan yang mempunyai masalah dari sudut deria pendengaran yang kurang baik. Disebabkan ketidakupayaan ini, ia menjadi halangan untuk mereka belajar ilmu terutamanya untuk belajar ilmu-ilmu yang berkaitan dengan al-Quran (Muhammad Sayuti Sabdan et al, 2016). Namun begitu, ketidakupayaan ini sebenarnya tidak menjadi penghalang untuk mereka mengenali ilmu-ilmu berkaitan dengan al-Quran. Sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W;

*Maksudnya: "Sesungguhnya Allah tidak melihat kepada rupa-rupa kamu, dan harta-harta kamu, tetapi Dia (Allah) melihat kepada hati-hati kamu dan amalan-amalan kamu".*

*(Muslim, no. Hadith:2564)*

Menyedari hal ini, Malaysia tidak ketinggalan untuk turut sama mengangkat pendidikan berbentuk Pendidikan Khas ke tahap yang sama dengan kurikulum standard masa kini. Sebagai bukti pihak kementerian mengambil berat dan memandang serius hal ini, dalam menterjemahkan kesungguhan pelaksanaannya maka telah termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 iaitu Akta Pendidikan Khas. Antara kandungan akta ini ialah menyatakan bahawa guru-guru boleh mengubah suai kaedah atau teknik pengajaran dan pembelajaran, masa bagi aktiviti dan susunan aktiviti, mata pelajaran dan bahan bantu mengajar bagi mencapai tujuan dan matlamat pendidikan khas (KPM, Pendidikan Khas, 2007).

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Pada bulan September 2013, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melancarkan Pelan Pembangunan Pendidikan di Malaysia (2013-2025) bagi meletakkan asas untuk mengubah haluan sistem negara kita dalam tempoh 13 tahun. Dalam laporan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM), pihak Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah menyediakan pendidikan untuk murid berkeperluan khas (MBK) di sekolah pendidikan khas atau aliran perdana yang melaksanakan sama ada Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) atau Program Pendidikan Inklusif (PPI) (Laporan PPPM, KPM, 2014). Di sini dapat dilihat dengan jelas keperihatinan kerajaan Malaysia dalam bidang pendidikan terhadap kanak-kanak yang berkeperluan khas, pihak kerajaan tidak mengabaikan hak-hak mereka dalam menuntut ilmu sebagaimana kanak-kanak tipikal (kanak-kanak normal) yang lain dalam semua mata pelajaran termasuk mata pelajaran Pendidikan Islam di peringkat rendah mahu pun peringkat menengah.

Dalam Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR), Pendidikan Islam merupakan mata pelajaran teras yang wajib diajarkan kepada murid Islam di institusi pendidikan yang mempunyai lima orang murid Islam. Bagi murid-murid pendidikan khas bermasalah pendengaran, mereka juga diwajibkan mengikuti Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR). Mata pelajaran Pendidikan

Islam terdiri daripada tujuh bidang utama, iaitu al-Quran, Hadith, Akidah, Ibadah, Sirah, Adab dan Jawi. Bidang-bidang ini mengandungi elemen pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dibangunkan serta diorganisasikan menjadi hasil pembelajaran yang dapat dilihat melalui pernyataan dalam standard prestasi murid (KPM, 2011).

Tujuan mempelajari dan mendalami mata pelajaran Pendidikan Islam adalah untuk mewujudkan masyarakat yang berdisiplin dengan nilai akhlak yang tinggi. Unsur disiplin dan nilai akhlak perlu disemai di dalam diri individu setiap murid bermula dari kecil sehinggalah mereka dewasa. Ini kerana ia merupakan asas yang kukuh bagi membentuk sesebuah masyarakat yang bersatu padu dan mengamalkan ajaran Islam secara menyeluruh. Dalam sistem pendidikan di Malaysia, mata pelajaran Pendidikan Islam mula diwajibkan kepada murid yang beragama Islam Akta Pendidikan 1996 (akta 550) seksyen 5, telah menetapkan bahawa jika sesuatu institusi pendidikan mempunyai lima orang atau lebih yang menganut agama Islam, maka murid-murid itu hendaklah diberikan pengajaran agama Islam oleh guru yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri (Hamdi Ishak, Ab Halim Tamuri, 2012).

Berdasarkan Penyata Razak 1956, Penyata Rahman Talib 1960 dan Akta Pelajaran 1961, mata pelajaran Pendidikan Islam boleh diajar di sekolah yang terdapat sekurang-kurangnya 15 orang pelajar yang beragama Islam dan seterusnya pada tahun 1962, mata pelajaran Pendidikan Islam telah dimasukkan ke dalam jadual rasmi sekolah dengan peruntukan masa pengajaran sebanyak 120 minit seminggu (Mohd Aderi Che Noh, 2015). Sistem Pendidikan negara sejak dulu hingga kini sudah pun menekankan aspek pembelajaran al-Quran demi mencapai matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam (Mohd Aderi Che Aderi, 2015).

Falsafah Pendidikan Negara (FPN) dan Falsafah Pendidikan Khas juga bertujuan untuk melahirkan individu yang seimbang dan harmonis. Ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan juga tidak menyingkirkan golongan ini daripada mendapat pendidikan untuk sama-sama belajar dengan insan normal yang lain. Setiap insan yang dilahirkan mempunyai bakat dan kebolehan yang tersendiri. Ini dinyatakan dalam Falsafah Pendidikan Khas bahawa setiap kanak-kanak mempunyai perbezaan dalam diri sendiri dan setiap individu. Oleh sebab itu wujud berbagai-bagai keperluan pendidikan. (Chua Tee Tee, Koh Boh Boon : 1992).

Menurut Alimah Abdul Rahman (2006), Sistem pendidikan juga tidak mendiskriminasikan golongan kurang upaya sama ada mempunyai kecacatan atau kekurangan fizikal. Ini bagi membolehkan mereka menuntut ilmu dan membina kemahiran tersendiri sebagai langkah persediaan bagi membolehkan mereka menjadi ahli masyarakat yang berguna dan menyumbang kepada negara.

Namun begitu, tidak ketinggalan juga untuk murid-murid bermasalah pendengaran, mereka diwajibkan untuk belajar bidang tilawah al-Quran di sekolah. Semua sekolah rendah dan sekolah menengah pendidikan khas bermasalah pendengaran, penglihatan dan pembelajaran menawarkan aliran akademik dan menggunakan Kurikulum Kebangsaan (Maklumat Pendidikan Khas, 2007).

Berdasarkan data Jabatan Pendidikan Khas, bilangan murid-murid Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran pada tahun 2013 di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (SKPK) ialah seramai 1568 orang, manakala bilangan murid di Program Pendidikan Khas Integrasi ialah seramai 500 orang. Jumlah murid Pendidikan Khas Bermasalah Pendengaran di sekolah rendah ialah seramai 2068 orang (Maklumat Pendidikan Khas, 2013). Walaupun bilangan mereka sedikit tetapi mereka juga diberi peluang untuk mengikuti pendidikan yang disediakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Jadual 1: *Bilangan Murid Pendidikan Khas Pendengaran Bagi Tahun 2009-2013*

	2009	2010	2011	2012	2013
Bil. Murid SKPK	1,959	1,863	1,860	1,657	1,568
Bil. Murid Integrasi	350	531	582	471	500
<b>JUMLAH</b>	<b>2,309</b>	<b>2,394</b>	<b>2,442</b>	<b>2,128</b>	<b>2,068</b>

## PERNYATAAN MASALAH

Setiap bayi yang dilahirkan hendaklah diberi didikan agama agar apabila mereka meningkat usia remaja kelak tidak terpesong akidah mereka kepada perkara yang ditegah oleh Allah S.W.T dan sentiasa berada dalam landasan kebenaran. Menurut pandangan Islam, kanak-kanak bermasalah pendengaran juga wajib diberikan pendidikan agama, berdasarkan gesaan al-Quran dan sunnah Rasulullah S.A.W. Kanak-kanak bermasalah pendengaran juga perlu hidup seperti manusia lain, hidup bermasyarakat dan beribadat kepada Allah kerana tugas manusia adalah untuk beribadat kepada Allah s.w.t. Firman Allah yang bermaksud;

*“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepadaKu”*

*(Al-Quran, al-Dzaariyat 51:56)*

Dalam menetapkan tanggungjawab ke atas golongan OKU ini, terdapat pelbagai pandangan menurut pandangan Islam. Orang yang bermasalah pendengaran adalah dikira sebagai golongan yang mukallaf dan mereka ditaklifkan dengan hukum-hukum syarak seperti manusia normal yang lain. Dalam Islam mukallaf ialah orang yang diberati dengan hukum-hukum dan perintah Agama Islam, iaitu orang yang berakal, baligh, sampai seruan Islam serta pancaindera. Sempurna pancaindera ialah mereka yang tidak mengalami kecacatan penglihatan dan pendengaran. Sekiranya seorang itu cedera pendengaran sahaja atau penglihatan sahaja maka ia tetap bertaraf mukallaf (Ibnu ‘Aqil, t.th.). Oleh itu setiap orang Islam yang berakal dan baligh, mereka tidak terlepas daripada menunaikan kewajipan serta melaksanakan perintah dan suruhan Allah s.w.t.

Islam telah menggariskan keadaan bagi golongan OKU dalam perkara yang berkaitan dengan bersuci dan menunaikan ibadah-ibadah mereka seperti solat dan seumpamanya. Islam menetapkan bagi golongan OKU hukum-hukum yang khusus mengikut keadaan kecacatan mereka, memudahkan dan meringankan. Sekiranya kecacatan tadi melibatkan mental seperti gila dan hilang akal maka gugurlah tanggungjawab ke atas mereka. Sekiranya berlaku hilang akal seketika, maka hilang taklif ke atas golongan tersebut ketika mereka hilang akal. Apabila kecacatan berlaku pada pendengaran atau penglihatan, anggota tangan, anggota kaki atau selainnya maka tidak dipertanggungjawabkan melainkan mengikut keupayaan kecacatan tersebut. Dalam bab bersuci untuk menunaikan ibadat, sekiranya mereka tidak dapat menghilangkan najis atau pun berwudhuk serta tidak ada sesiapa untuk membantu mereka, maka solatlah mengikut keadaan mereka (dalam najis atau tidak berwudhuk). Kesimpulan yang difatwakan oleh Syeikh Abdul Rahman Abdul Khaliq selaku Ketua Lajnah Tahqiq Al-Turath di Kuwait, (2010). Berpandukan nas yang difatwakan oleh Syeikh Abdul Rahman, solat fardhu tidak gugur kefardhuannya melainkan ke atas mereka yang hilang akal sahaja.

Keistimewaan kedudukan OKU dari sudut pandangan Islam merujuk kepada firman Allah s.w.t yang bermaksud;

*“tidak ada salahnya bagi orang buta, dan tidak ada salahnya bagi orang tempang, dan tidak ada salahnya bagi orang sakit (jika masing-masing tidak menjalankan sesuatu perintah disebabkan kezurannya menghendaki ia berlaku demikian), dan juga tidak ada salah bagi kamu*

*(termasuk orang-orang yang tersebut turut sama) makan di rumah kamu sendiri, atau di rumah bapa kamu, atau di rumah ibu kamu, atau di rumah saudara kamu yang lelaki, atau di rumah saudara kamu yang perempuan, atau di rumah bapa saudara kamu (sebelah bapa), atau di Rumah emak saudara kamu (sebelah bapa), atau di rumah bapa saudara kamu (sebelah ibu), atau di rumah emak saudara kamu (sebelah ibu), atau di rumah yang kamu kuasai kuncinya, atau di rumah sahabat kamu; tidak juga menjadi salah bagi kamu, makan bersama-sama atau berasing-asing. maka apabila kamu masuk ke mana-mana rumah, hendaklah kamu memberi salam kepada (sesiapa yang seperti) kamu dengan memohon kepada Allah cara hidup yang berkat lagi baik. Demikianlah Allah menerangkan ayat-ayat (yang menjelaskan hukum-hukumNya), supaya kamu memahaminya”.*

*(Surah al-Nur 21:61)*

Islam tidak mengabaikan golongan OKU dari sudut keadilan dan memuliakan manusia kerana mereka juga mengambil peranan yang sama sepertimana manusia normal yang lain. Islam tidak meminggirkan golongan OKU kerana kedudukan mereka sama dengan manusia normal. Sekiranya manusia yang normal perlu dihormati maka mereka pun perlu juga dihormati.

Dari sudut pandangan Islam juga golongan OKU tidak dipinggirkan dari segi keadilan, hak-hak dan sifat kemanusiaan ke atas mereka. Ini kerana mereka juga berperanan menyumbang dalam hidup bermasyarakat mengikut kemampuan yang ada pada mereka. Ini juga bertepatan dengan nas yang dituntut ke atas kita bahawa golongan OKU mempunyai hak dalam sifat perikemanusiaan dari sudut perasaan belas kasihan. Kita perlu melayan golongan OKU sebagaimana firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*“Orang-orang yang lemah dan orang-orang yang sakit, dan juga orang-orang yang tidak mempunyai sesuatu yang akan dibelanjakan, tidaklah menanggung dosa (kerana tidak turut berperang) apabila mereka berlaku ikhlas kepada Allah dan RasulNya. Tidak ada jalan sedikitpun bagi menyalahkan orang-orang yang berusaha memperbaiki amalannya; dan Allah Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani”*

*(Surah at-Taubah 9:91)*

Islam menggalakkan umatnya melayan golongan yang lemah serta perlu wujud perasaan belas kasihan kepada golongan tersebut. Orang yang bersifat dengan perasaan kasihan belas nescaya Allah taala akan belas kasihan kepadanya. Kaedah Islam terbina atas realiti, setiap taklif yang dipertanggungjawabkan adalah mengikut kemampuan dan keupayaan seseorang. Firman Allah S.W.T yang bermaksud;

*“Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya. ia mendapat pahala kebaikan yang diusahakannya, dan ia juga menanggung dosa kejahatan yang diusahakannya. (Mereka berdoa Dengan berkata): "Wahai Tuhan kami! janganlah Engkau mengirakan Kami salah jika kami lupa atau kami tersalah. Wahai Tuhan Kami! janganlah Engkau bebaskan kepada kami bebanan yang berat sebagaimana yang telah Engkau bebaskan kepada orang-orang yang terdahulu daripada kami. Wahai Tuhan kami! janganlah Engkau pikulkan kepada kami apa yang kami tidak terdaya memikulnya. dan maafkanlah kesalahan kami, serta ampunkanlah dosa kami, dan berilah rahmat kepada kami. Engkaulah Penolong kami; oleh itu, tolonglah kami untuk mencapai kemenangan terhadap kaum-kaum yang kafir”.*

*(Surah al-Baqarah 2:286)*

Ketidakupayaan murid menggunakan bahasa lisan membawa impak yang besar dalam pembelajaran, sebagai contoh jika mereka bermasalah dalam menguasai pertuturan maka sukar bagi murid untuk belajar dan menguasai kemahiran (Abdullah, 2014). Kebanyakan murid bermasalah pendengaran tidak diberi pendedahan yang mencukupi untuk pembelajaran al-Quran berbanding murid-murid normal (Ab Aziz Mohd Zin, 2009; Global Pekak Malaysia Muslim, 2014). Terdapat

beberapa masalah kepada murid-murid yang bermasalah pendengaran dalam pembelajaran mereka terutamanya bidang Asas Tilawah al-Quran dan topik-topik yang berkaitan dengan akidah dalam Ulum syariah. Ini adalah kerana dalam Asas Tilawah al-Quran murid-murid ini perlu menyebut, melafaz serta membaca sedangkan masalah mereka ialah mereka tidak dapat mendengar. Oleh itu mereka tidak dapat meniru sebutan dan bunyi-bunyi kalimah daripada al-Quran, apatah lagi untuk membaca dan melafazkan ayat-ayat suci daripada al-Quran (Hamdi Ishak, 2011). Guru-guru Pendidikan Islam seharusnya mengambil pendekatan yang paling sesuai dan berkesan untuk mengajar al-Quran kepada murid yang bermasalah pendengaran bermula dari peringkat yang paling bawah sehinggalah mereka boleh menguasai bacaan al-Quran dan seterusnya dapat membaca al-Quran di dalam solat. Sekiranya mereka tidak dapat menguasai bacaan al-Quran, nescaya ibadat-ibadat yang berkaitan dengan bacaan al-Quran seperti ibadat solat tidak dapat dilakukan dengan sempurna.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif khusus yang ditetapkan dalam kajian ini ialah mengkaji bagaimana guru-guru merancang pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dalam bidang tilawah al-Quran menggunakan kurikulum kebangsaan yang disesuaikan dengan tahap kebolehan dan kemampuan murid bermasalah pendengaran.

## **METODOLOGI KAJIAN**

Reka bentuk kajian ini, menggunakan pendekatan kajian kualitatif yang melibatkan tiga kaedah pengumpulan data iaitu temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen. Oleh kerana kajian lebih dari sebuah sekolah, maka lebih tepat lagi kajian ini disebut sebagai kajian pelbagai tempat lapangan. Peserta kajian adalah terdiri daripada dua orang guru Pendidikan Islam yang mengajar mata pelajaran Pendidikan Islam di sekolah rendah yang menawarkan program pendidikan khas integrasi (masalah pendengaran) di Malaysia.

Cresswell (1994), dalam kajian kualitatif penyelidik adalah instrumen utama yang bertindak untuk memungut data secara pemerhatian, temu bual dan analisis data dan seterusnya menganalisis data. Justeru, pengkaji perlu berada dalam situasi yang dikaji, kaedah yang digunakan oleh pengkaji untuk mendapatkan data ialah melalui kaedah temubual, pemerhatian dan analisis dokumen. Kajian yang berbentuk kualitatif biasanya dijalankan kerana pengkaji ingin meneroka, membuat interpretasi dan mendapat pemahaman yang mendalam tentang sesuatu permasalahan, bukan untuk menguji sesuatu hipotesis.

## **DAPATAN KAJIAN**

Dapatan kajian ini merupakan data kajian bagi menjawab persoalan kajian. Penyelidikan kajian secara kualitatif ini cuba untuk mengenal pasti fenomena yang berlaku semasa sesi pengajaran dan pembelajaran tilawah al-Quran berlangsung kepada murid-murid bermasalah pendengaran Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) Sekolah Rendah. Dapatan kajian ini akan dibentangkan dalam bentuk naratif dengan memaparkan beberapa bentuk rajah dan jadual seperti yang disarankan oleh Creswell (1998) untuk memudahkan pembentangan hasil dapatan ini. Dalam masa yang sama juga, pengkaji akan membentangkan dapatan penyelidikan yang telah dijalankan ke atas dua orang peserta kajian. Dapatan kajian akan dikemukakan meliputi aspek perancangan pengajaran dan amalan pengajaran dan pembelajaran.

Jadual 2: Ciri-ciri Keperibadian Peserta kajian

Peserta Kajian	Sikap	Ciri-ciri Keistimewaan
P01	Berdedikasi, bercita-cita tinggi, perihatin dan bersifat pembimbing	Cekap dalam bahasa isyarat
P02	Berdedikasi, sangat mesra dengan murid-muridnya, memberi teguran secara berhikmah, mengambil berat terhadap murid, perihatin dan sentiasa menepati masa dengan baik	Cekap dalam bahasa isyarat

Maklumat yang dikumpul bukan sahaja datang daripada peserta kajian sahaja, tetapi juga daripada Guru Besar, Penolong Kanan Pendidikan Khas, pemerhatian dan analisis dokumen. Kaedah pengumpulan data dalam kajian ini secara ringkas dalam tiga bentuk iaitu pemerhatian, temu bual dan analisis dokumen (Sabitha Merican, 2005). Penggunaan tiga kaedah pengukuran ini juga disebut sebagai triangulasi data kualitatif tersebut. Triangulasi ialah kesahan rentasan (Cross Validation) bagi kajian kualitatif. Ini adalah kerana ianya dapat mengukur kecukupan data berdasarkan penumpuan pelbagai sumber data atau pelbagai prosedur pengumpulan data (Kamarul Azmi 2010; Mohd Izhan Mohd Hamzah 2006; Wiersma 1991). Pernyataan ini disokong oleh Noorhizrah (2014). Penggunaan teknik triangulasi seperti pungutan data-data yang diperolehi melalui sumber-sumber dokumen bukan sahaja menyokong dan menambahkan bukti daripada pelbagai sumber lain, tetapi ianya dapat menyokong maklumat yang diperolehi daripada temu bual dan analisis dokumen yang hanya merupakan data sokongan bagi mengukuh serta membuktikan kesahihan data temu bual yang dijalankan. Data temu bual merupakan data utama kajian, maka data ini boleh berdiri dengan sendiri untuk diambil kira dalam pembinaan tema dalam kajian kualitatif. Sebaliknya data pemerhatian dan analisis dokumen, data ini tidak diambil kira sebagai pembinaan tema kajian ini melainkan setelah disandarkan dengan data yang diperolehi daripada data temu bual. Gambarajah 1. di bawah menunjukkan gambaran umum pengumpulan data.

Gambarajah 1: Pengumpulan Data



Sebelum terbentuknya Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas (KSSRPK), Kurikulum bagi mata pelajaran pendidikan Islam pendidikan khas bagi masalah pendengaran adalah dengan menggunakan kurikulum aliran perdana bagi pelajar tipikal (pelajar normal) (Mohd Zuhri & Aznan Che Ahmad, 2011; Muhammad Sayuti Sabdan, 2014; Muhammad Sayuti Sabdan et al., 2016). Menurut hamdi Ishak, Ab. Halim Tamuri, Rosadah Abdul Majid, dan Safani Bari (2012). Pelaksanaan pendidikan al-Quran bagi pelajar pekak pada ketika itu terbahagi kepada dua iaitu pelajar pekak tidak boleh mengeluarkan suara dan pelajar pekak yang boleh mengeluarkan suara. Bagi pelajar pekak yang tidak boleh mengeluarkan suara guru-guru pendidikan Islam pendidikan khas masalah pendengaran lebih menumpukan kepada pengetahuan berkenaan dengan huruf-huruf hijaiyyah. Manakala bagi pelajar pekak yang boleh mengeluarkan suara, guru-guru memberi tumpuan kepada cara bacaan ayat al-Quran secara talaqqi musyafahah dengan menggunakan

kaedah Iqra'. Namun begitu, ia tidak dapat dilaksanakan secara berterusan selepas pelajar peka menduduki tahun dua di Sekolah Kebangsaan Pendidikan khas (SKPK).

### **Perancangan pengajaran dan pembelajaran**

Dalam kajian ini pengkaji merungkaikan bagaimanakah guru merancang serta mengadaptasikan kurikulum kebangsaan yang sedia ada dengan tahap kemampuan serta kebolehan murid yang bermasalah pendengaran. Data yang berkaitan dengan persoalan kajian ini dikumpulkan berdasarkan temu bual, analisis dokumen dan pemerhatian bersama peserta kajian.

### **Rancangan Pengajaran Tahunan (RPT)**


#### ***Guru merancang rancangan pengajaran harian (RPH)***

Pengkaji cuba merungkaikan bentuk-bentuk rancangan pengajaran harian yang dilaksanakan oleh peserta kajian. Rancangan pengajaran harian merupakan perancangan awal yang perlu disediakan oleh peserta kajian sebelum PdPc dilaksanakan. Pengkaji juga melihat bagaimana guru menggunakan sukatan pengajaran tahunan untuk ditulis ke dalam rancangan pengajaran harian seharian dan menterjemahkannya semula ketika melaksanakan PdPc mereka terhadap murid-murid bermasalah pendengaran.

#### ***Guru menggunakan rancangan pengajaran tahunan (RPT)***

Bagi murid-murid bermasalah pendengaran, pihak Kementerian Pendidikan Malaysia telah menetapkan kurikulum Pendidikan Islam yang digunakan untuk pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) kepada mereka seperti murid-murid yang lain di arus perdana. Guru-guru yang terlibat dengan PdPc terhadap murid-murid bermasalah pendengaran perlu mengikut kurikulum yang telah ditetapkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia. Rancangan pengajaran tahunan yang digunakan di semua Sekolah-sekolah Pendidikan Khas dan Program Pendidikan Khas Integrasi adalah berdasarkan Kurikulum kebangsaan yang diubah suai mengikut kecacatan murid tersebut. Pengkaji mendapati bentuk-bentuk amalan penggunaan rancangan pengajaran tahunan Pendidikan Islam oleh kedua-dua peserta kajian. Bentuk-bentuk penggunaan yang digunakan oleh peserta kajian dijelaskan dalam gambarajah 2.

Gambarajah 2: *Bentuk Penggunaan peserta Kajian*



Oleh yang demikian kajian ini jelas menunjukkan bahawa kedua-dua peserta kajian melaksanakan PdP mereka dengan merujuk kepada rancangan pengajaran tahunan Pendidikan Islam. Data diperolehi melalui pemerhatian dan analisis dokumen, pengkaji memerhati peserta kajian semasa melaksanakan PdP serta merujuk rancangan pengajaran harian yang ditulis oleh peserta kajian.

Di sini dapat disimpulkan bahawa P01 dan P02 melaksanakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) berdasarkan rancangan pengajaran tahunan sepanjang sesi PdP berlangsung, namun begitu peserta kajian telah mengubah rancangan pengajaran tahunan tersebut mengikut kesesuaian tahap kemampuan murid.



Secara keseluruhannya pengajaran dan pembelajaran dalam bidang tilawah al-Quran untuk murid-murid Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) bermasalah pendengaran ini menggunakan rancangan pengajaran tahunan (RPT) Pendidikan Islam Kebangsaan sebagaimana mengikut sukatan yang telah ditetapkan oleh KPM, namun terdapat sedikit perbezaan di antara kedua-dua peserta kajian dalam amalan pengajaran dan pembelajaran (PdP) tilawah al-Quran. Kedua-dua peserta masih menggunakan (RPT) yang diubah suai sebagai panduan untuk melaksanakan pengajaran mereka kepada murid.

Kedua-dua peserta kajian, ada ketika mengikut rancangan pengajaran tahunan (RPT) dan adakalanya tidak mengikut (RPT). Sebagai contoh peserta kajian mengikut (RPT) adalah untuk memenuhi sasaran KPM. Sekiranya tidak rujuk dan menggunakan (RPT) nescaya sukatan yang ditetapkan tidak dapat dijalankan seperti yang dirancang. Manakala contoh ketika mana peserta kajian tidak mengikut (RPT), mereka akan memilih surah-surah yang dianggap penting untuk diamalkan seharian contohnya surah yang akan diamalkan di dalam solat lima waktu. Namun tidak dinafikan mereka tidak mengabaikan (RPT) yang ditetapkan dalam kurikulum kebangsaan KPM. Dalam amalan pengajaran bidang tilawah al-Quran, pengkaji dapat membahagikan kepada tiga bahagian iaitu berdasarkan rancangan pengajaran tahunan Pendidikan Islam – P01 & P02, mengikut kesesuaian tahapmurid - P1 & P2 dan tidak mengikut rancangan pengajaran tahunan. Kedua-dua peserta kajian menggunakan (RPT) Pendidikan Islam dan kedua-duanya juga mengubah suai (RPT) mengikut kesesuaian dan tahap kemampuan murid mereka.

Jadual 3: *Kesimpulan Amalan Pada Permulaan Pengajaran*

Amalan Pada Permulaan Pengajaran	P01	P02
Bermesra dengan murid	X	X
Bersoal jawab berkaitan dengan tajuk	X	X
Guru membaca doa	X	X
Murid membaca doa	X	X
Guru menulis pada papan putih	X	X
Amalan pada permulaan pengajaran	X	X
Guru menggunakan LCD/ Laptop	X	
Guru terus mengajar	X	X

Merujuk jadual 3. penyelidik dapat membuat rumusan bahawa sebelum memulakan sesi pengajaran dan pembelajaran peserta P01 dan P02 mengamalkan pendekatan bermesra dengan murid. Ia bertujuan untuk membolehkan murid betul-betul bersedia untuk belajar dan membangkitkan minat murid untuk memulakan topik-topik yang akan diajar oleh guru. Data pemerhatian dan temu bual menunjukkan guru tersebut (PGP01, PGP02, TBP01, TBP02). Di samping itu juga kelihatan keperibadian guru itu juga menunjukkan kedua-duanya guru yang bersikap penyayang dan sangat kasih kepada anak-anak didik mereka serta begitu disenangi untuk bergaul dengan murid.

## RUMUSAN

Penyelidik menyatakan semula dapatan-dapatan kajian secara keseluruhan dalam bahagian ini selaras dengan objektif-objektif kajian. Secara umumnya kajian ini ingin mengkaji amalan guru pendidikan Islam dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran kepada murid-murid bermasalah pendengaran Program Pendidikan Khas Integrasi. Secara umumnya, pengkaji melihat peserta

kajian melaksanakan perancangan pengajaran mengikut kurikulum Pendidikan Islam di peringkat kebangsaan. Walaubagaimanapun peserta kajian didapati berbeza dalam membuat penggunaan sukatan pelajaran kerana mereka membuat penafsiran sendiri berdasarkan pengalaman mereka dan kesesuaian kemampuan murid. Manakala dari aspek pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran peserta kajian menggunakan pelbagai strategi dan kaedah. Antara kaedah yang dipilih serta digunakan oleh peserta kajian ialah kaedah penerangan dan syarahan. Di samping itu juga peserta kajian menggunakan alat dan bahan bantu mengajar dalam sesi pengajaran dan pembelajaran berlangsung. Namun begitu alat dan bahan bantu yang digunakan masih belum memenuhi keperluan kepada murid bermasalah pendengaran. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa guru telah melakukan pengubahsuaian termasuk pendekatan, strategi dan kaedah pengajaran mengikut kemampuan serta tahap keupayaan pendengaran mereka. Guru menggunakan pelbagai pendekatan dalam pedagogi pengajaran dan pembelajaran mereka. Langkah ini menunjukkan keperihatinan guru terhadap keperluan pembelajaran murid. Tetapi pengkaji melihat masih terdapat kelemahan di kalangan guru dalam menguasai tahap penguasaan bahasa isyarat untuk mengajar tilawah al-Quran. Keadaan ini akan mempengaruhi kualiti pengajaran dan pembelajaran mereka. Guru perlu mengambil langkah yang positif untuk memantapkan diri mereka dari masa ke semasa menguasai KTBM dan BIM supaya pengajaran dan pembelajaran dapat disampaikan dengan lebih efektif dalam bidang tilawah al-Quran.

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- Abdullah Ishak, (1995). *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka
- Abdul Aziz Mohd Zin, Mohamad Kamil Ab Majid, Anisah Ab Ghani, Mohd Fauzi Hamat, Nor Raudah Hj Siren & Juawairiah Hassan. (2009). *Dakwah Islam Terhadap Orang Kurang Upaya OKU*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- 'Abdullah Nasih 'Ulwan, (1981). *Tarbiyatu 'l-Aulad fi 'l-Islam*. Kairo: Daru 's-Salam Li 'th-Thiba'ah wa 'n-Nasyr wa 't-Tauzi'.
- Aminuddin Khalit, (2013). *Literasi Awal Membaca Al-Quran Dalam Kalangan Murid-Murid Pendidikan Khas (Bermasalah Pembelajaran)*, UPSI.
- Asiah Hj. Ahmad. (2012). *Mengenal dan menangani orang kurang upaya*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Azzamilli. Z. I. S., & Bazazooo. H. N. (2013, December). *Employing Modern Technology in Teaching Holy Quran of Deaf Students*. In Proceedings of the 2013 Taibah University International Conference on Advances in Information Technology for the Holy Quran and its Sciences (pp. 489-524). IEEE Computer Society.
- Creswell, J. W. (1994). *Research Design, Qualitative & Quantitative Approaches*. Thousand Oaks. CA: Sage.
- Creswell, J. W. (2003). *Research Design, Qualitative & Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks. CA: Sage.
- Creswell, J. W. (2008). *Educational Research Planning, Conducting and Evaluating Qualitative & Quantitative Research*. Upper Saddle River, NJ: Pearson Education International.
- Hamdi Ishak, (2011). *Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam di Sekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (Masalah Pendengaran)*. Satu Kajian Kes. Tesis Doktor Falsafah, Fakulti Pendidikan, UKM.
- Jurnal Pendidikan Malaysia 34(1)(2009):93-109 *Persepsi Pelajar Terhadap Amalan Pengajaran Tilawah Al-Quran (Students' Perception Toward Teaching Tilawah Al-Quran)* Mohd Aderi Che Noh, Rohani Ahmad Tarmizi.

- Kementerian Pelajaran Malaysia (2012). *Laporan Awal Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (2013-2025)*. Putrajaya: Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Kurikulum Standard Sekolah Rendah Pendidikan Khas. (2011). *Pendidikan Islam Masalah Pendengaran Tahun Dua*. Putrajaya: Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Mohd Aderi Che Noh. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education* 1(1) 57-72. (2009). *Amalan Pengajaran Tilawah al-Quran: satu tinjauan terhadap persepsi guru di Sekolah Menengah Harian Malaysia*.
- Muhammad Sayuti Sabdan, Norlidah Alias, Mohd Yakub @ Zulkifli Mohd Yusof, Nazean Jomhari, & Nor 'Aziah Mohd Daud (2016). *Pedagogi al-Quran Bagi Golongan Pekak: Suatu Kajian Literatur*. Persidangan Kebangsaan Kurikulum Masa Depan 31 Mei 2016. Kuala Lumpur: Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Muslim, Muslim bin al-Hajjaj. (2002). *Sahih Muslim*, Bayrut: Dar Ibn Hazm
- Ibnu Khaldun, Abdurrahman bin Muhammad bin Khaldun. (2001). *Muqaddimah*. Khaldun. Beirut: Dar Al-Kitab Al-'Arabi.
- Mohd Huzairi Awang @ Husain. (2010). *Persepsi pelajar bermasalah pendengaran terhadap pembelajaran fardu ain: Cabaran Terhadap Guru*, Proceeding of the 4th International Conference on teacher Education: Join Conference UPI & UPSI, No. 240-250.
- Noornajihan Jaafar, Nirakyairee Mohd Raus, Nurul Asiah Fasehah Muhammad, Norzulali Mohd Ghzalid, Robiatul Adawiyah Mohd Amat, Syed Najihuddin Syed Hassan, Mahyuddin Hashim, Ab Halim Tamuri, Norshidah Mohamed Salleh, & Mohd Isa Hamzah. (2014). *Quran Education for Special Children: Teacher as Murabbi*. Creative Education 2014.
- Nor'Aini bt Mohd Zain. (2012). *Tingkah Laku Negatif (Emosi & Fizikal) dalam Kalangan Kanak-kanak Prasekolah*. Tesis Sarjana, Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Othman Lebar. (2009). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada Teori dan Metod*. Tanjong Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd Syahrulikram Mohd Yasin, & Nor Azizah Nurdin. (2007). *Kemahiran Awal Pendengaran & Pertuturan* (1st ed). Selangor.
- Wan Sabri Wan Husin, Mohd Zaini Abas, Nor 'Aziah Mohd Daud, Norakyairee Mohd Raus, Nazean Jomhari, & Afifah Salleh, (2013). *Modul Pembangunan Institusi Pendidikan Quran Bagi Anak Istimewa*. Pembentangan di The 3rd Annual International Qur'anic Conference, Centre of Quranic Research (CQR), (13-13 Mac 2013), di Universiti Malaya Kuala Lumpur.